

07/10/2003

Singapura berdolak-dalik

JOHOR BAHRU: Singapura yang biasanya cepat memberi reaksi bagi mempertahankan tindakannya, kali ini berdolak-dalik apabila diminta mengulas bantahan Malaysia terhadap kerja penambakan laut yang masih diteruskan republik itu walaupun kes berkenaan sudah dirujuk ke tribunal antarabangsa.

Kementerian Pembangunan Negara Singapura (MND) yang dihubungi semalam tidak mahu memberi sebarang ulasan, sebaliknya meminta perkara itu dirujuk kepada Kementerian Luar Singapura (MFA).

Seorang pegawai MND, Sen Arumugam, mengakui kementeriannya bertanggungjawab terhadap kerja penambakan laut itu, tetapi berkata, pihaknya tidak dapat memberi sebarang penjelasan berhubung perkara berkenaan.

Beliau berkata, hanya MFA boleh mengeluarkan kenyataan akhbar berhubung isu itu, manakala kementerian dan agensi lain berkaitan tidak dibenarkan berbuat demikian.

"Dalam isu ini anda kena dapatkan MFA. Kita tidak boleh beri kenyataan," katanya.

Ditanya MND yang seharusnya mengeluarkan kenyataan kerana kementerian itu yang bertanggungjawab merancang, memantau dan melaksana kerja penambakan laut itu, beliau berkata: "Sila rujuk MFA."

MFA yang diminta mengulas pula berkata kenyataan akhbar mengenainya sudah dikeluarkan pada 2 Oktober lalu dan boleh dirujuk melalui laman webnya www.mfa.gov.sg.

Seorang pegawai MFA, Lilian Tai, juga meminta supaya kenyataan akhbar itu digunakan sebagai ulasan terhadap isu penambakan laut yang sedang menunggu penghakiman Tribunal Antarabangsa Mengenai Undang-undang Laut (ITLOS).

Beliau yang diberitahu bahawa kenyataan akhbar itu sudah basi dan maklumatnya tidak relevan lagi, juga tidak memberi sebarang komitmen untuk mengeluarkan kenyataan terbaru.

Sebaliknya, beliau hanya meminta nombor telefon, faksimili dan emel untuk dihubungi apabila ada sebarang kenyataan yang hendak dikeluarkan MFA.

Mengikut kenyataan bertarikh 2 Oktober yang disiarkan menerusi laman web MFA, republik itu percaya Singapura mengemukakan hujah yang kuat di ITLOS bagi mempertahankan kerja penambakan di republik itu.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan Malaysia akan mengkaji kemungkinan menghantar nota bantahan kepada Singapura berikutan tindakannya meneruskan kerja penambakan pantai, walaupun kes itu sudah dirujuk ke tribunal antarabangsa.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang diminta mengulas isu itu, sebelum ini turut kecewa dengan tindakan republik itu yang tidak memahami kes itu sudah dikemukakan ke tribunal antarabangsa.

Akhbar ini dalam laporan muka depannya, Sabtu lalu, menyebut Singapura tidak mempedulikan bantahan Malaysia apabila meneruskan kerja penambakan laut 24 jam sehari di sekitar Tuas, dekat Jurong serta Pulau Tekong dan Ubi di sebelah Changi.

Kerja penambakan di Pulau Tekong Besar dan Kecil serta Ubin dapat dilihat dengan jelas dari daratan negara ini, terutama Tanjung Surat, dekat Kota Tinggi yang jaraknya sekitar 12 hingga 13 kilometer persegi.

Penduduk termasuk nelayan di Tanjung Surat dapat melihat dengan jelas

pergerakan kapal besar yang membawa muatan berjuta-juta tan pasir keluar masuk siang dan malam di kawasan penambakan di Pulau Tekong Besar dan Kecil serta Ubin.

Tindakan Singapura itu dilihat langsung tidak menghormati desakan Malaysia supaya kerja penambakan dihentikan kerana ia merosakkan alam sekitar dan menjejaskan perairan negara.

Malaysia memfailkan tuntutan di ITLOS untuk mendapatkan perintah sementara menghentikan kerja penambakan laut di Singapura. Kes itu didengar tribunal itu selama dua hari berakhir minggu lalu. ITLOS dijangka membuat penghakiman esok.